



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 21

8hb Oktober 2020

*TAMBAHAN No. 14
PERUNDANGAN*

Pg. P.U. 40.

ENAKMEN TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(Fi, ELAUN DAN KOS) (NEGERI PULAU PINANG) 2020

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

FI DAN KOS

3. Fi Mahkamah
4. Skala kos

Kaedah

5. Kos menurut budi bicara
6. Salinan dokumen
7. Skala elaun
8. Kos tetap penghakiman
9. Kos tetap rayuan
10. Kos kepeguaman
11. Kos tangguhan
12. Kos tetap beberapa jenis tuntutan dalam tindakan yang sama
13. Kos tetap penguatkuasaan dan pelaksanaan
14. Kos tetap prosiding interlokutori atau interim

BAHAGIAN III

PENGECUALIAN DAN PERALIHAN

15. Pengecualian
16. Pembatalan dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

ENAKMEN TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(FI, ELAUN DAN KOS) (NEGERI PULAU PINANG) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 247(1)(b) Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 4*], Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Fi, Elaun dan Kos) (Negeri Pulau Pinang) 2020**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004;

“Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004;

“Kaedah terdahulu” ertinya kaedah “*The Penang Muslim Religious Affairs (Form and Fees) Rules 1961*”;

“Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 55(1) atau 55(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004; dan

“Mahkamah Rayuan Syariah” ertinya Mahkamah Rayuan Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 55(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

BAHAGIAN II

FI DAN KOS

Fi Mahkamah

3. Fi Mahkamah hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Skala kos

4. Skala kos hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Kos menurut budi bicara

5. (1) Bagi maksud Jadual Kedua, perkataan “menurut budi bicara” bermaksud amaun kos yang dibenarkan mengikut budi bicara Hakim, dengan memberi perhatian kepada semua hal keadaan yang relevan, termasuklah—

- (a) kerumitan butiran itu atau kausa atau perkara yang di dalamnya ia berbangkit dan kesulitan atau kebaharuan isu-isu yang terlibat;
- (b) kemahiran, pengetahuan khusus dan tanggungjawab yang dikehendaki daripada peguam Syarie, termasuk masa dan usaha yang dihabiskan untuk pengendalian kes anak guamnya;
- (c) kesegeraan penyelesaian suatu prosiding;
- (d) bilangan dan kepentingan dokumen (tidak kira bagaimanapun ringkasnya) yang disediakan atau diteliti;
- (e) tempat dan hal keadaan yang di dalamnya urusan yang terlibat itu dilakukannya;
- (f) kepentingan kausa atau perkara itu kepada anak guam;
- (g) amaun atau nilainya jika wang atau harta terlibat;
- (h) apa-apa bilangan kehadiran peguam Syarie di hadapan Mahkamah atau Pendaftar; dan
- (i) apa-apa fi dan elaun lain yang kena dibayar kepada peguam Syarie berkenaan dengan butiran lain dalam kausa atau perkara yang sama, tetapi hanya jika kerja yang dilakukan berhubungan dengan butiran itu telah mengurangkan kerja yang kalau tidak kerananya itu diperlukan berhubungan dengan butiran yang berkenaan.

Salinan dokumen

6. (1) Hakim atau Pendaftar boleh membenarkan pembayaran suatu amaun—

- (a) bagi kos percetakan salinan dokumen yang perlu dibayar kepada pencetak;
- (b) bagi kos percetakan mana-mana dokumen—
 - (i) yang diperlukan dalam suatu bahasa asing;
 - (ii) yang dicetak melalui faksimili;
 - (iii) mengikut cara luar biasa atau khas;

- (c) bagi kos percetakan untuk apa-apa perubahan yang diperlukan; dan
- (d) kos kehadiran di premis percetakan, jika ada.

(2) Peguam Syarie yang mengambil salinan-salinan bercetak bagi apa-apa dokumen bagi faedah anak guamnya hendaklah dibenarkan mendapatkan kembali amaun yang dibayarnya bagi semua bilangan salinan sebagaimana yang perlu atau sepatutnya diambil olehnya.

(3) Kos untuk salinan bercetak bagi dokumen di bawah butiran 48 Jadual Kedua hendaklah dibuat sebagai tambahan kepada kos di bawah peruntukan yang tersebut dalam subkaedah (2), dan hendaklah, tertakluk kepada subkaedah (4), dibuat bagi apa-apa salinan bercetak sebagaimana yang perlu atau patut bagi—

- (a) apa-apa pliding, untuk penyampaian kepada pihak lawan;
- (b) apa-apa kes khas, untuk pemfailan;
- (c) apa-apa pliding atau kes khas, untuk kegunaan Mahkamah;
- (d) apa-apa affidavit, untuk pengakusaksian dalam cetakan;
- (e) apa-apa pliding, kes atau keterangan khas untuk digunakan di Mahkamah; atau
- (f) apa-apa dokumen lain yang seperlunya dan sepatutnya disalin dan tidak diperuntukkan selainnya.

(4) Kos di bawah butiran 48 Jadual Kedua tidaklah boleh dibuat berhubungan dengan salinan bercetak bagi dokumen untuk kegunaan Mahkamah atau Peguam Syarie jika salinan bertulis telah dibuat sebelum pencetakan, dan hendaklah tidak boleh dibuat lebih daripada sekali dalam kausa atau perkara yang sama.

(5) Kos-kos di bawah Jadual Kedua untuk menyediakan apa-apa pliding, saman, affidavit atau dokumen lain hendaklah dikira sebagai termasuk kos untuk menyediakan apa-apa salinan perlu yang dibuat untuk kegunaan Peguam Syarie dan anak guamnya atau, dalam hal suatu pliding atau saman, untuk penyampaian.

Skala elaun

7. Mahkamah boleh memanggil mana-mana orang untuk menjadi saksi atau penterjemah dalam mana-mana pendengaran prosiding di Mahkamah dan skala elaun bagi saksi atau penterjemah itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Kos tetap penghakiman

8. Apabila Mahkamah dalam sesuatu prosidingnya membuat—

- (a) penghakiman atau perintah bagi pembayaran kewangan, kos tetap bagi prosiding itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian I, Jadual Keempat; dan

- (b) penghakiman atau perintah selain bagi pembayaran kewangan, kos tetap bagi prosiding itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian II, Jadual Keempat.

Kos tetap rayuan

9. Dalam apa-apa prosiding rayuan, kos tetap boleh dibenarkan seperti yang berikut:

(a) Mahkamah Tinggi Syariah—

- (i) Bagi rayuan terhadap keputusan melibatkan permohonan, kos tetap hendaklah tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000.00); dan
- (ii) Bagi rayuan terhadap keputusan selepas perbicaraan, kos tetap hendaklah tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00).

(b) Mahkamah Rayuan Syariah—

- (i) Bagi rayuan terhadap keputusan melibatkan permohonan, kos tetap hendaklah tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00); dan
- (ii) Bagi rayuan terhadap keputusan selepas perbicaraan, kos tetap hendaklah tidak melebihi Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00).

Kos kepeguaman

10. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan nyata bagi kos kepeguaman, kos kepeguaman dalam Jadual Keempat hendaklah tidak boleh dibenarkan jika, pada mana-mana hari sebutan—

- (a) plaintif memberhentikan tuntutannya, pihak-pihak memasuki penghakiman persetujuan, atau Mahkamah membatalkan tuntutan plaintif; atau
- (b) defendan memberhentikan tuntutan balas atau pihak-pihak memasuki penghakiman persetujuan atas tuntutan balas, atau tuntutan balas defendan dibatalkan oleh Mahkamah.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), kos kepeguaman boleh dibenarkan sebanyak—

- (a) lima puluh (50) peratus daripada kadar yang ditetapkan dalam butiran 3 Jadual Keempat, jika—
 - (i) selepas sesuatu prosiding telah ditetapkan untuk perbicaraan—
 - (aa) plaintif menarik balik tuntutannya;
 - (bb) defendan menarik balik tuntutan balas; atau
 - (cc) tuntutan balas itu diselesaikan melalui suatu penghakiman;

- (ii) pada hari perbicaraan sesuatu prosiding—
 - (aa) plaintif menarik balik tuntutan; dan
 - (bb) defendan menarik balik tuntutan balas; atau
 - (cc) tuntutan plaintif dibatalkan sebelum perbicaraan bermula; dan
- (b) tujuh puluh lima (75) peratus daripada kadar yang ditetapkan dalam butiran 3 Jadual Keempat, jika selepas sesuatu perbicaraan telah dimulakan—
 - (i) plaintif menarik balik tuntutan; dan
 - (ii) defendan menarik balik tuntutan balasnya; dan
 - (iii) penghakiman persetujuan diberikan hanya ke atas plaintif; atau
 - (iv) tuntutan plaintif atau tuntutan balas defendan dibatalkan oleh Mahkamah atas apa-apa jua sebab.

Kos tangguhan

11. Jika sesuatu prosiding ditangguhkan perbicaraannya atas permohonan mana-mana pihak pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan, Mahkamah boleh mengarahkan pihak yang memohon penangguhan itu untuk membayar kepada pihak yang satu lagi apa-apa kos bagi penangguhan itu, tertakluk kepada suatu amaun yang tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) pada setiap penangguhan itu.

Kos tetap beberapa jenis tuntutan dalam tindakan yang sama

12. Dalam sesuatu prosiding yang terkandung beberapa jenis tuntutan secara keseluruhan atau sebahagiannya bagi penghakiman yang melibatkan pembayaran kewangan dan penghakiman bukan melibatkan pembayaran kewangan dalam prosiding yang sama, suatu pihak hendaklah berhak kepada satu kos tetap sahaja berdasarkan kos tetap yang tertinggi daripada mana-mana penghakiman dalam prosiding itu.

Kos tetap penguatkuasaan dan pelaksanaan

13. Bagi maksud Bab 2, 3 dan 4 Enakmen, Mahkamah boleh membenarkan kos tetap tidak melebihi Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) atas—

- (a) penguatkuasaan; atau
- (b) pelaksanaan,

perintah atau penghakiman mana-mana Mahkamah.

Kos tetap prosiding interlokutori atau interim

14. Kos tetap bagi sesuatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah dalam suatu prosiding interlokutori atau interim hendaklah tidak melebihi—

- (a) Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) bagi Mahkamah Rendah Syariah;
- (b) Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300.00) bagi Mahkamah Tinggi Syariah; atau
- (c) Ringgit Malaysia Empat Ratus (RM400.00) bagi Mahkamah Rayuan Syariah,

mengikut mana-mana keadaan yang berkenaan.

BAHAGIAN III**PENGECUALIAN DAN PERALIHAN****Pengecualian**

15. Walau apa pun kaedah 3, fi Mahkamah hendaklah tidak boleh dikenakan berkenaan dengan—

- (a) apa-apa kes yang dikendalikan oleh pegawai yang dilantik oleh Jabatan Bantuan Guaman dan Bahagian Sokongan Keluarga;
- (b) apa-apa prosiding oleh kerajaan atau Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang;
- (c) apa-apa prosiding yang diambil atas kehendak Mahkamah; dan
- (d) apa-apa tindakan atau prosiding oleh mana-mana orang yang diberi kebenaran oleh Mahkamah untuk mendakwa atau membela sebagai orang miskin sepertimana yang diperuntukkan dalam Bab 3 Bahagian 4 Enakmen.

Pembatalan dan peralihan

16. (1) *The Penang Muslim Religious Affairs (Form and Fees) Rules, 1961* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* No. 6/1962 pada 18 Januari 1962 dibatalkan.

(2) Semua tindakan dan permohonan yang belum selesai yang telah dimulakan sebelum tarikh kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah, selepas dari tarikh kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, diteruskan mengikut peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), bagi penetapan apa-apa kos yang boleh ditetapkan oleh Mahkamah untuk apa-apa tindakan dan permohonan yang dimulakan sebelum Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa, hendaklah mengikut mana-mana kadar yang ditetapkan di bawah *The Penang Muslim Religious Affairs (Form and Fees) Rules, 1961*, atau di bawah Kaedah-Kaedah ini, mengikut mana-mana yang lebih rendah.

(4) Walau apa pun Kaedah-Kaedah ini, subkaedah (3) tidak terpakai bagi penetapan kos tangguhan di bawah kaedah 11.

KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(FI, ELAUN DAN KOS) (NEGERI PULAU PINANG) 2020

JADUAL PERTAMA
[Kaedah 3]

FI MAHKAMAH

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
	SAMAN, DSB.				
1.	Apabila memeterai saman untuk memula tindakan atau memfail tuntutan balas	25.00	50.00		
2.	Apabila memfailkan pembelaan	10.00	20.00		
3.	Apabila memfailkan jawapan kepada pembelaan atau dokumen guaman seterusnya	10.00	20.00		
4.	Apabila memeterai permohonan untuk memulakan tindakan	20.00	40.00		
5.	Apabila memfailkan saman kepada defendan yang lebih daripada seorang atau kepada alamat yang lebih daripada satu	5.00	10.00		
6.	Apabila memeterai saman diperbaharui atau permohonan diperbaharui	5.00	10.00		
7.	Apabila memeterai saman terpinda atau permohonan terpinda	5.00	10.00		
8.	Apabila menandatangani apa-apa pindaan saman, permohonan atau pliding	5.00	10.00		
9.	Apabila memfailkan <i>wakalah</i> bagi setiap orang	10.00	10.00	10.00	
10.	Memfailkan sijil perakuan segera	5.00	10.00	15.00	

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
11.	Apabila memeterai notis permohonan interlokutori	10.00	20.00	20.00	
12.	Apabila memfailkan permohonan penyampaian ganti atau penyampaian di luar bidang kuasa	20.00	20.00		
13.	Apabila memfailkan notis penarikan balik kes	5.00	10.00	15.00	
14.	Apabila memfailkan notis penarikan diri atau pelepasan Peguam Syarie	5.00	10.00	15.00	
	PERINTAH, DSB.				
15.	Apabila memeterai sepina bagi setiap saksi	5.00	5.00		
16.	Apabila memeterai sepina yang dikeluarkan kurang daripada 3 hari sebelum hari perbicaraan sesuatu tindakan bagi tiap-tiap saksi	10.00	10.00		
17.	Apabila memeterai perintah pelaksanaan, pengkomitan, penangkapan, notis <i>hiwalah</i> atau penahanan harta	10.00	20.00		
18.	Apabila memasukkan atau memeterai apa-apa perintah yang dibuat dalam Kamar	10.00	20.00		
19.	Apabila memasukkan atau memeterai penghakiman atau perintah yang diberikan, diarahkan atau dibuat dalam perbicaraan, pendengaran atau pertimbangan lanjut sesuatu kausa atau perkara dalam Mahkamah	25.00	50.00	50.00	
20.	Apabila memeteraikan apa-apa penghakiman atau perintah lain di mana tiada fi diperuntukkan dengan khususnya	10.00	20.00	20.00	
21.	Apabila memeterai Perakuan Faraid	10.00	20.00		
22.	Apabila memeterai Perakuan <i>Munasakhah</i>	20.00	30.00		
	RAYUAN				
23.	Apabila memfailkan notis rayuan terhadap apa-apa penghakiman, perintah atau keputusan Pendaftar kepada Hakim dalam Kamar	10.00	10.00		

BIL.	BUTIRAN	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)	MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)	MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)	CATATAN
24.	Apabila memfailkan notis rayuan— (a) dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah; atau (b) dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah	50.00	100.00		
25.	Apabila memfailkan notis rayuan balas— (a) dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah; atau (b) dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah	50.00	100.00		
26.	Apabila memfailkan permohonan kebenaran untuk melanjutkan tempoh rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah		20.00		
27.	Apabila memfailkan permohonan kebenaran merayu atau kebenaran untuk melanjutkan tempoh rayuan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah			50.00	
28.	Apa-apa permohonan interlocutori sementara menanti rayuan di— (a) Mahkamah Tinggi Syariah; dan (b) Mahkamah Rayuan Syariah		20.00	40.00	
29.	Penyediaan nota keterangan dan alasan penghakiman	150.00	300.00		
30.	Apabila memfailkan alasan rayuan	25.00	50.00		
31.	Apabila memfailkan rekod rayuan		50.00	100.00	
32.	Apabila memfailkan semakan		50.00	100.00	
	SALINAN DOKUMEN				
33.	Apabila membuat salinan dokumen dan menandakannya sebagai salinan diperakui bagi setiap folio	2.00	2.00		
34.	Apabila membuat tiap-tiap salinan kedua atau berikutnya atau melalui proses penduaan bagi tiap-tiap folio	1.00	1.00		

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
35.	Apabila memeriksa salinan bersih dan menandakannya sebagai salinan diperakui— (a) dalam hal salinan fotografik atau salinan bagi setiap lembaran; atau (b) dalam apa-apa hal lain bagi setiap folio	1.00 1.00	1.00 1.00		
36.	Apabila memohon kebenaran untuk menyalin apa-apa dokumen yang difailkan atau dikemukakan di Mahkamah, bagi setiap muka surat	1.00	1.00		
	PENETAPAN KOS				
37.	Apabila menetapkan bil kos, jika— (a) amaun yang diperintahkan tidak melebihi RM1,000.00; dan (b) amaun yang diperintahkan melebihi RM1,000.00 bagi tiap-tiap tambahan RM1,000.00 yang dibenarkan atau sebahagiannya	4.00 2.00	4.00 2.00		
38.	Atas perakuan atau alokatur mengenai keputusan penetapan itu	4.00	4.00		
	PELBAGAI				
39.	Apabila memohon apa-apa carian, termasuk pemeriksaan, bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya	4.00	4.00		
40.	Apabila memohon pengemukaan rekod atau dokumen yang hendak diberikan sebagai keterangan— (a) jika rekod atau dokumen itu ditinggalkan di Mahkamah; dan (b) jika seseorang pegawai dikehendaki mengemukakan rekod atau dokumen itu di Mahkamah	4.00 20.00	4.00 40.00		
41.	Apabila memohon untuk kehadiran seorang pegawai Mahkamah sebagai saksi bagi satu hari atau sebahagian daripadanya	20.00	40.00		
42.	Apabila memfailkan affidavit atau affidavit tambahan, bagi setiap orang yang membuatnya	5.00	10.00		

BIL.	BUTIRAN	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)	MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)	MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)	CATATAN
43.	Apabila memfailkan setiap ekshibit yang disebut dalam affidavit atau affidavit tambahan yang dikehendaki ditandakan	3.00	6.00		
44.	Bagi setiap dokumen yang diikrarkan di hadapan mana-mana pegawai Mahkamah	4.00	4.00		
45.	Menandatangani ekshibit	2.00	2.00		
46.	Apabila memeterai cabutan apa-apa dokumen, yang bukannya suatu penghakiman atau perintah, jika tiada fi ditetapkan dalam Jadual ini	2.00	2.00	2.00	
47.	Apabila memfailkan apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan dalam Jadual ini	5.00	10.00	15.00	
	PENYAMPAIAN DAN PELAKSANAAN				
48.	Bagi setiap penyampaian apa-apa dokumen yang dikehendaki disampaikan oleh Mahkamah	10.00	20.00		
	Jika lebih daripada 10 kilometer dari Mahkamah, bagi setiap kilometer tambahan	5.00	5.00		
49.	Bagi melaksanakan tiap-tiap perintah pelaksanaan, pengkomitan, penangkapan atau penyitaan harta	10.00	20.00		
50.	Bagi melepaskan harta yang disita mengikut arahan pihak yang mengeluarkan perintah pelaksanaan, penahanan penangkapan atau penahanan harta	10.00	20.00		
51.	Bayaran perkhidmatan sebanyak 5 peratus (%) akan dikenakan ke atas RM1,000.00 yang pertama dan 3 peratus (%) ke atas semua jumlah wang yang selebihnya apabila dilevikan dengan cara penyitaan dan penjualan, jumlah itu termasuklah bayaran perkhidmatan pekelong				Hendaklah ditolak oleh Pendaftar
52.	Bayaran perkhidmatan sebanyak 2 peratus (%) akan dikenakan ke atas semua wang yang diterima oleh Pendaftar di bawah notis <i>hiwalah</i>				Hendaklah ditolak oleh Pendaftar

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
53.	Bayaran perkhidmatan sebanyak 1 peratus (%) akan dikenakan ke atas semua wang yang diterima oleh Pendaftar sebagai penyelesaian perintah penyitaan dan penjualan dan jika pelaksanaan ditarik balik, diselesaikan atau diberhentikan				Hendaklah ditolak oleh Pendaftar
54.	Bayaran perkhidmatan sebanyak 1 peratus (%) akan dikenakan ke atas anggaran nilai harta yang disita atau amaun yang dinyatakan dalam perintah itu, mengikut mana-mana yang kurang, jika pelaksanaan ditarik balik, diselesaikan atau diberhentikan				Hendaklah ditolak oleh Pendaftar
55.	Bagi setiap orang yang perlu ditugaskan untuk menjaga apa-apa harta di bawah penyitaan	Kos sebenar	Kos sebenar		Hendaklah dibayar secara tunai kepada Pendaftar atau pembayaran terus mengikut baucer yang diperakui oleh Pendaftar
56.	Untuk mengalihkan barangan atau binatang ke suatu tempat untuk simpanan selamat dan makanan yang diberikan	Kos sebenar	Kos sebenar		Hendaklah dibayar secara tunai kepada Pendaftar atau pembayaran terus mengikut baucer yang diperakui oleh Pendaftar
57.	Untuk mengiklankan dan memberi publisiti tentang penjualan secara lelong Nota- Dalam tiap-tiap kes yang pelaksanaannya ditarik balik, diselesaikan atau diberhentikan, fi itu hendaklah dibayar oleh orang yang atas permintaannya penjualan itu diberhentikan, dan amaun apa-apa kos atau caj yang kena dibayar di bawah Jadual ini hendaklah ditetapkan oleh Hakim, sekiranya Pendaftar dan pihak yang bertanggung membayar kos dan caj itu tidak bersetuju dengan amaun itu	Kos sebenar	Kos sebenar		Hendaklah dibayar secara tunai kepada Pendaftar atau pembayaran terus mengikut baucer yang diperakui oleh Pendaftar

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
58.	Permintaan bagi pembayaran keluar daripada wang yang dibayar masuk ke dalam Mahkamah mengikut perintah ansuran jika wang itu melebihi RM1,000.00 kecuali bagi bayaran nafkah anak dan isteri	2 peratus daripada jumlah wang yang dibayar keluar	2 peratus daripada jumlah wang yang dibayar keluar		Permintaan

KAEDAH-KAEDAH TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(FI, ELAUN DAN KOS) (NEGERI PULAU PINANG) 2020

JADUAL KEDUA
[Kaedah 4]

SKALA KOS

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
	PERMULAAN, PROSIDING, DSB.				
1.	Menyediakan, mengeluarkan, memfailkan dan menyampaikan saman atau permohonan kepada satu pihak	30.00	40.00	40.00	
2.	Mengeluarkan dan menyampaikan saman atau permohonan serentak kepada satu pihak	4.00	6.00	6.00	
3.	Memperbaharui saman, termasuk menyediakan dan memfailkan permohonan dan affidavit, menghadiri perbicaraan permohonan untuk pembaharuan dan mendapatkan perintah	25.00	30.00	30.00	
4.	Menyediakan, memfailkan dan menyampaikan pembelaan atau pliding lain kepada satu pihak	30.00	40.00	40.00	
5.	Menyediakan, memfailkan dan menyampaikan butir-butir pliding kepada satu pihak, menyediakan dan menyampaikan permintaan mendapatkan butir-butir sedemikian kepada satu pihak	10.00	15.00	15.00	
6.	Menyediakan pindaan kepada dokumen yang disebut dalam butiran 1 atau 4, memfailkan dan menyampaikan dokumen terpinda kepada satu pihak	10.00	15.00	15.00	

BIL.	BUTIRAN	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)	MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)	MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)	CATATAN
7.	Menyediakan, mengeluarkan dan memfailkan apa-apa dokumen, menghadiri semasa apa-apa permohonan dan membuat apa-apa kerja lain yang perlu untuk mendapatkan — (a) Perintah untuk penyampaian ganti bagi apa-apa dokumen; atau (b) perintah memberikan kebenaran untuk menyampaikan apa-apa dokumen di luar bidang kuasa	25.00	30.00	30.00	
	PROSIDING DALAM KAMAR				
8.	Menyediakan, mengeluarkan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak, notis — (a) untuk meneruskan di bawah sesuatu penghakiman atau perintah; atau (b) untuk melanjutkan masa	10.00 10.00	20.00 20.00	20.00 20.00	
9.	Menyediakan, mengeluarkan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak notis untuk hadir dalam Kamar (selain daripada notis yang disebut dalam butiran 8)	4.00	6.00	6.00	
10.	Hadir untuk mendapatkan temu janji bagi pendengaran di hadapan Hakim atau Pendaftar	4.00	6.00	6.00	
11.	Hadir untuk menyerahkan kertas yang dikehendaki bagi kegunaan Hakim atau Pendaftar dalam Kamar	4.00	6.00	6.00	
12.	Hadir pendengaran permohonan dalam Kamar— (a) dalam kes <i>ex-parte</i> atau dengan persetujuan atau atas penangguhan tanpa pendengaran; atau (b) dalam apa-apa hal lain	10.00 20.00	20.00 40.00	20.00 40.00	
13.	Hadir untuk menyelesaikan draf atau minit bagi apa-apa penghakiman atau perintah	10.00	20.00	20.00	
14.	Hadir untuk menyediakan dan mencatatkan apa-apa perintah, jika butiran 13 tidak terpakai	4.00	6.00	6.00	

BIL.	BUTIRAN	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)	MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)	MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)	CATATAN
	PENZAHIRAN DAN PEMERIKSAAN				
15.	Menyediakan, memfailkan dan menyampaikan — (a) affidavit dokumen atau senarai dokumen; (b) interrogatori untuk pemeriksaan oleh sesuatu pihak; dan (c) affidavit jawapan kepada interrogatori termasuklah, apabila sesuai, deponen yang hadir untuk diangkat sumpah dan salinan untuk penyampaian	10.00 10.00 10.00	20.00 20.00 20.00	20.00 20.00 20.00	
16.	Hadir untuk memeriksa atau mengemukakan bagi pemeriksaan, apa-apa dokumen yang pengemukaannya bagi pemeriksaan adalah dikehendaki menurut perintah Mahkamah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan Bahagian XI Enakmen Tatacara <i>Mal</i> Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004 — (a) bagi jam pertama atau sebahagian daripadanya; dan (b) bagi setiap setengah jam berikutnya atau sebahagian daripadanya	10.00 5.00	15.00 10.00	20.00 15.00	
	PENYEDIAAN BAGI PERBICARAAN ATAU PENDENGARAN, SAMA ADA DALAM MAHKAMAH TERBUKA ATAU SELAINNYA				
17.	Menyediakan dan mengeluarkan sepina — (a) untuk hadir di Mahkamah bagi setiap orang saksi; (b) untuk mengemukakan dokumen, bagi setiap orang saksi; dan (c) untuk mengemukakan dokumen dan memberi keterangan,	4.00 4.00 4.00	5.00 5.00 5.00	5.00 5.00 5.00	

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
	termasuk memfailkan permintaan, menghadiri untuk mendapatkan sepina dan salinan untuk penyampaian				
18.	Menyediakan dan menyampaikan notis— (a) untuk mengemukakan bagi pemeriksaan dokumen yang disebut dalam pliding atau affidavit; (b) untuk mengemukakan dokumen pada perbicaraan atau pendengaran; dan (c) untuk memperakui apa-apa dokumen atau fakta	4.00 4.00 4.00	5.00 5.00 5.00	5.00 5.00 5.00	
19.	Arahan bagi perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara, walau apa pun cara perbicaraan atau pendengaran Nota— Butiran ini bermaksud untuk meliputi perkara yang tidak diperuntukkan selainnya, perlu atau sepatutnya dilakukan dalam penyediaan sesuatu perbicaraan atau pendengaran atau sebelum penyelesaian perkara-perkara yang dipertikaikan, termasuklah— (a) mengambil arahan untuk mendakwa, membela, membuat tuntutan balas atau merayu, atau bagi apa-apa pliding, butir-butir pliding, affidavit; (b) menimbangkan fakta-fakta dan undang-undang; (c) melayani dan berurusan dengan klien; (d) menemu duga dan berurusan dengan saksi-saksi dan bakal saksi-saksi dan mengambil bukti dari keterangan mereka; (e) mengatur untuk mendapatkan laporan atau nasihat daripada pakar dan pelan, fotograf dan model;	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
	(f) membuat carian di pejabat kerajaan dan di tempat-tempat lain untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang berkaitan; (g) memeriksa apa-apa harta atau tempat yang material kepada prosiding; (h) meneliti pliding, affidavit dan dokumen lain yang berkaitan; (i) jika kausa atau perkara itu tidak diteruskan kepada perbicaraan atau pendengaran, kerja yang dilakukan berkaitan dengan rundingan untuk sesuatu penyelesaian; dan (j) jagaan dan perjalanan am prosiding				
20.	Hadir untuk mendapatkan janji temu bagi memeriksa saksi dan atas pemeriksaan saksi	20.00 seorang	30.00 seorang	30.00 seorang	
	PERBICARAAN ATAU PENDENGARAN				
21.	Hadir dalam Mahkamah terbuka bagi maksud—				
	(a) apa-apa permohonan yang berhubungan dengan atau berbangkit daripada perbicaraan atau pendengaran sesuatu kausa atau perkara;	50.00 sehari	75.00 sehari	75.00 sehari	
	(b) perbicaraan atau pendengaran sesuatu kausa atau perkara bagi setiap hari; dan	100.00 sehari	150.00 sehari	150.00 sehari	
	(c) pendengaran penghakiman tertangguh	25.00 sehari	30.00 sehari	30.00 sehari	
22.	Hadir untuk mendapatkan perakuan Pendaftar dan hadir untuk mencatat atau mendapatkan penghakiman	10.00	15.00	20.00	
	PENETAPAN KOS				
23.	Menyediakan bil kos dan notis penetapan kos (termasuk salinan untuk Hakim atau Pendaftar) bagi setiap folio	2.00	3.00	4.00	

BIL.	BUTIRAN	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)	MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)	MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)	CATATAN
24.	Mendapatkan temu janji bagi penetapan kos	4.00	5.00	6.00	
25.	Menghadiri penetapan kos, menyiapkan bil kos, mengemukakan baucer bagi perbelanjaan dan hadir untuk mendapatkan perakuan atau perintah Hakim atau Pendaftar	25.00	30.00	40.00	
26.	Menyediakan bantahan terhadap keputusan Pendaftar mengenai penetapan kos atau jawapan terhadap bantahan, termasuk salinan-salinan untuk penyampaian dan pemfailan, menghantARSERAHKAN kepada satu pihak akan bantahan atau jawapan itu dan menghadiri pendengaran semakan semula oleh Hakim	25.00	30.00	40.00	
	PELAKSANAAN				
27.	Menyediakan dan hadir untuk mendapatkan pengeluaran perintah pelaksanaan atau perintah lain untuk menguatkuasakan apa-apa penghakiman atau perintah Nota— Salinan perlu bagi mana-mana perintah sedemikian hendaklah dibenarkan	5.00	7.00	9.00	
28.	Memperbaharui perintah pelaksanaan termasuk menyediakan dan memfailkan permohonan dan affidavit, menghadiri permohonan untuk pembaharuan dan mendapatkan perintah	25.00	30.00	40.00	
	AM DAN PELBAGAI				
	Kehadiran				
29.	Untuk mendapatkan— (a) persetujuan seseorang untuk bertindak sebagai penjaga <i>ad litem</i> dan persetujuan atau kelulusan daripada mana-mana pihak lain yang berkepentingan; atau (b) apa-apa persetujuan lain Nota— Butiran ini termasuklah menyediakan borang persetujuan atau kelulusan	10.00 4.00	15.00 5.00	20.00 6.00	

BIL.	BUTIRAN	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)	MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)	MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)	CATATAN
30.	Untuk memberi persetujuan	4.00	5.00	6.00	
31.	Memfailkan dan menyampaikan notis kehadiran Jika kehadiran untuk lebih daripada seorang, bagi setiap orang tambahan	5.00 2.00	7.00 3.00	9.00 3.00	
32.	Memfailkan apa-apa dokumen perlu di Pejabat Pendaftar	4.00	5.00	10.00	
33.	Membuat carian affidavit di Pejabat Pendaftar	4.00	5.00	10.00	
34.	Mencatatkan perintah meminda rekod dengan membatalkan atau menambah satu pihak atau menggabungkan kausa-kausa atau perkara-perkara	4.00	5.00	6.00	
35.	Apa-apa affidavit yang diikrarkan oleh deponen di hadapan Hakim atau Pendaftar	4.00	5.00	6.00	
36.	Untuk mendapatkan sijil kelahiran, kematian, nikah, cerai atau <i>ruju</i> atau apa-apa dokumen rasmi yang lain daripada jabatan lain Nota— Untuk dua atau lebih sijil yang didapati di tempat yang sama atau pada waktu yang sama, caj yang dikenakan adalah sekali sahaja	4.00	5.00	6.00	
37.	Kehadiran lain yang patut dan perlu yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain	4.00	5.00	6.00	
	Kehadiran, dll. di Pejabat Akauntan Negara atau Pejabat Pendaftar				
38.	Untuk menyediakan dan menyerahkan simpan dokumen-dokumen yang dikehendaki untuk membenarkan pembayaran daripada wang yang diserahkan simpan dalam Mahkamah dan untuk menerima bayaran	10.00	15.00	15.00	
39.	Untuk menyerahkan simpan sekuriti-sekuriti ke dalam Mahkamah atau mendapatkan pemindahan sekuriti-sekuriti ke dalam atau ke luar daripada Mahkamah	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
	Nota— Butiran ini termasuklah segala kehadiran yang dikehendaki berkaitan dengan penyerahsimpanan atau pemindahan dan penyediaan apa-apa dokumen yang dikehendaki sedemikian				
40.	Untuk mendapatkan perakuan atau mentarikhkan semula perakuan-perakuan bagi kumpulan-kumpulan wang dalam Mahkamah atau jika lebih daripada satu perakuan didapatkan atau ditarikhkan semula pada masa yang sama	5.00 Menurut budi bicara	7.00 Menurut budi bicara	7.00 Menurut budi bicara	
41.	Untuk mendapatkan transkrip akaun	5.00	7.00	7.00	
	Menyediakan Dokumen				
42.	Afidavit penyampaian Nota — Butiran ini termasuklah menulis afidavit, hadir untuk mengikrarkan dan memfailkan afidavit	5.00	10.00	10.00	
43.	Afidavit, selain afidavit penyampaian atau afidavit di bawah butiran 15, bagi setiap folio	2.00	3.00	3.00	
44.	Penyediaan bagi penandaan ekshibit kepada affidavit, bagi setiap ekshibit	1.00	2.00	3.00	
45.	Iklan yang akan ditandatangani oleh Pendaftar, bagi folio pertama dan setiap folio selepas itu Nota— Butiran ini termasuklah kehadiran dalam Kamar untuk mendapatkan tandatangan	5.00 2.00	7.00 4.00	9.00 4.00	
46.	Minit perintah, akaun, pernyataan dan dokumen lain yang dikehendaki untuk kegunaan dalam Mahkamah atau Kamar, bagi setiap folio	1.00	2.00	3.00	
	Notis, dsb.				

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
47.	Apa-apa notis yang tidak diperuntukkan selainnya untuk penyampaian atau apa-apa permintaan	1.00	2.00	3.00	
	Salinan-salinan, dsb.				
48.	Salinan bagi dokumen yang tidak diperuntukkan selainnya – (a) salinan bertaip selain daripada salinan karbon atau salinan bertulis, setiap folio (b) salinan bercetak atau karbon, setiap folio; dan (c) salinan fotografik	1.00 1.00 Menurut budi bicara	2.00 2.00 Menurut budi bicara	2.00 2.00 Menurut budi bicara	
49.	Memeriksa pruf cetak, bagi setiap folio	1.00	2.00	2.00	
	Surat, dsb.				
50.	Surat yang tidak termasuk di bawah mana-mana butiran lain	2.00	4.00	4.00	
51.	Surat, mesej dan panggilan telefon yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
	Penelitian				
52.	Meneliti apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain, bagi setiap folio	1.00	2.00	3.00	
	Penyampaian				
53.	Jika lebih daripada satu kehadiran diperlukan untuk melaksanakan penyampaian atau penghantarserahan kepada satu pihak dokumen yang disebutkan dalam kaedah 5 Kaedah-Kaedah ini atau dalam butiran 8, 9 atau 26 Jadual ini, atau jika penyampaian dilaksanakan dalam bidang kuasa selain daripada kehadiran sendiri atau melalui pos atau dilaksanakan di luar bidang kuasa	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	

<i>BIL.</i>	<i>BUTIRAN</i>	<i>MAHKAMAH RENDAH SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (RM)</i>	<i>MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (RM)</i>	<i>CATATAN</i>
54.	Jika dokumen yang disebutkan dalam kaedah 5 Kaedah-Kaedah ini atau dalam butiran 8, 9 atau 26 Jadual ini dikehendaki disampaikan atau dihantARSERahkan kepada lebih daripada seorang, atau penyampaian atau penghantARSERahan kepada setiap orang tambahan— (a) jika dikehendaki disampaikan kediri atau dihantARSERahkan; atau (b) jika penyampaian melalui pos dibenarkan	5.00 2.00	7.00 3.00	9.00 4.00	
55.	Penyampaian atau penghantARSERahan apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain— (a) jika dikehendaki disampaikan kediri atau dengan dihantARSERahkan; atau (b) jika penyampaian melalui pos dibenarkan	5.00 2.00	7.00 3.00	9.00 4.00	

KAEDAH-KAEDAH TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(FI, ELAUN DAN KOS) (NEGERI PULAU PINANG) 2020

JADUAL KETIGA
[Kaedah 7]

SKALA ELAUN

	<i>KATEGORI SAKSI</i>	<i>ELAUN SEHARI (RM)</i>
(a)	Pakar	500.00
(b)	Profesional, pegawai awam, pengarah, pengurus pertubuhan perbadanan atau orang yang bergaji atau berpendapatan melebihi RM3,000.00 sebulan	300.00
(c)	Orang yang gaji atau pendapatannya melebihi RM1,000.00 tetapi tidak melebihi RM3,000.00 sebulan	200.00
(d)	Selain butiran (a), (b) atau (c)	100.00

KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(FI, ELAUN DAN KOS) (NEGERI PULAU PINANG) 2020

JADUAL KEEMPAT
[Subkaedah 8(a)]

Bahagian I

KOS TETAP PENGHAKIMAN KEWANGAN

<i>JUMLAH PENGHAKIMAN</i>	<i>(1) DAKWAAN (RM)</i>	<i>(2) BELAAN (RM)</i>	<i>(3) KEPEGUAMAN (RM)</i>
Tidak melebihi RM1,000.00	25.00	25.00	150.00
Melebihi RM1,000.00 tetapi tidak melebihi RM2,000.00	50.00	50.00	200.00
Melebihi RM2,000.00 tetapi tidak melebihi RM3,000.00	75.00	75.00	250.00
Melebihi RM3,000.00 tetapi tidak melebihi RM4,000.00	100.00	100.00	350.00
Melebihi RM4,000.00 tetapi tidak melebihi RM5,000.00	125.00	125.00	450.00
Melebihi RM5,000.00 tetapi tidak melebihi RM6,000.00	150.00	150.00	550.00
Melebihi RM6,000.00 tetapi tidak melebihi RM7,000.00	175.00	175.00	650.00
Melebihi RM7,000.00 tetapi tidak melebihi RM8,000.00	200.00	200.00	750.00
Melebihi RM8,000.00 tetapi tidak melebihi RM9,000.00	225.00	225.00	850.00
Melebihi RM9,000.00 tetapi tidak melebihi RM10,000.00	250.00	250.00	950.00
Melebihi RM10,000.00 tetapi tidak melebihi RM11,000.00	275.00	275.00	1,050.00
Melebihi RM11,000.00 tetapi tidak melebihi RM12,000.00	300.00	300.00	1,150.00
Melebihi RM12,000.00 tetapi tidak melebihi RM13,000.00	325.00	325.00	1,125.00
Melebihi RM13,000.00 tetapi tidak melebihi RM14,000.00	350.00	350.00	1,350.00
Melebihi RM14,000.00 tetapi tidak melebihi RM15,000.00	375.00	375.00	1,450.00
Melebihi RM15,000.00 tetapi tidak melebihi RM16,000.00	400.00	400.00	1,550.00
Melebihi RM16,000.00 tetapi tidak melebihi RM17,000.00	425.00	425.00	1,650.00
Melebihi RM17,000.00 tetapi tidak melebihi RM18,000.00	450.00	450.00	1,750.00

<i>JUMLAH PENGHAKIMAN</i>	<i>(1) DAKWAAN (RM)</i>	<i>(2) BELAAN (RM)</i>	<i>(3) KEPEGUAMAN (RM)</i>
Melebihi RM18,000.00 tetapi tidak melebihi RM19,000.00	475.00	475.00	1,850.00
Melebihi RM19,000.00 tetapi tidak melebihi RM20,000.00	500.00	500.00	1,950.00
Melebihi RM20,000.00 tetapi tidak melebihi RM21,000.00	525.00	525.00	2,050.00
Melebihi RM21,000.00 tetapi tidak melebihi RM22,000.00	550.00	550.00	2,150.00
Melebihi RM22,000.00 tetapi tidak melebihi RM23,000.00	575.00	575.00	2,250.00
Melebihi RM23,000.00 tetapi tidak melebihi RM24,000.00	600.00	600.00	2,350.00
Melebihi RM24,000.00 tetapi tidak melebihi RM25,000.00	625.00	625.00	2,450.00
Melebihi RM25,000.00 tetapi tidak melebihi RM27,500.00	650.00	650.00	2,550.00
Melebihi RM27,500.00 tetapi tidak melebihi RM30,000.00	675.00	675.00	2,650.00
Melebihi RM30,000.00 tetapi tidak melebihi RM32,500.00	700.00	700.00	2,750.00
Melebihi RM32,500.00 tetapi tidak melebihi RM35,000.00	725.00	725.00	2,850.00
Melebihi RM35,000.00 tetapi tidak melebihi RM37,500.00	750.00	750.00	2,950.00
Melebihi RM37,500.00 tetapi tidak melebihi RM40,000.00	775.00	775.00	3,050.00
Melebihi RM40,000.00 tetapi tidak melebihi RM42,500.00	800.00	800.00	3,150.00
Melebihi RM42,500.00 tetapi tidak melebihi RM45,000.00	825.00	825.00	3,250.00
Melebihi RM45,000.00 tetapi tidak melebihi RM47,500.00	850.00	850.00	3,350.00
Melebihi RM47,500.00 tetapi tidak melebihi RM50,000.00	875.00	875.00	3,450.00
Melebihi RM50,000.00 tetapi tidak melebihi RM52,500.00	900.00	900.00	3,550.00
Melebihi RM52,500.00 tetapi tidak melebihi RM55,000.00	925.00	925.00	3,650.00
Melebihi RM55,000.00 tetapi tidak melebihi RM57,500.00	950.00	950.00	3,750.00
Melebihi RM57,500.00 tetapi tidak melebihi RM60,000.00	975.00	975.00	3,850.00

<i>JUMLAH PENGHAKIMAN</i>	<i>(1) DAKWAAN (RM)</i>	<i>(2) BELAAN (RM)</i>	<i>(3) KEPEGUAMAN (RM)</i>
Melebihi RM60,000.00 tetapi tidak melebihi RM62,500.00	1,000.00	1,000.00	3,950.00
Melebihi RM62,500.00 tetapi tidak melebihi RM65,000.00	1,025.00	1,025.00	4,050.00
Melebihi RM65,000.00 tetapi tidak melebihi RM67,500.00	1,050.00	1,050.00	4,050.00
Melebihi RM67,500.00 tetapi tidak melebihi RM70,000.00	1,075.00	1,075.00	4,250.00
Melebihi RM70,000.00 tetapi tidak melebihi RM72,500.00	1,100.00	1,100.00	4,350.00
Melebihi RM72,500.00 tetapi tidak melebihi RM75,000.00	1,125.00	1,125.00	4,450.00
Melebihi RM75,000.00 tetapi tidak melebihi RM77,500.00	1,150.00	1,150.00	4,550.00
Melebihi RM77,500.00 tetapi tidak melebihi RM80,000.00	1,175.00	1,175.00	4,650.00
Melebihi RM80,000.00 tetapi tidak melebihi RM82,500.00	1,200.00	1,200.00	4,750.00
Melebihi RM82,500.00 tetapi tidak melebihi RM85,000.00	1,225.00	1,225.00	4,850.00
Melebihi RM85,000.00 tetapi tidak melebihi RM87,500.00	1,250.00	1,250.00	4,950.00
Melebihi RM87,500.00 tetapi tidak melebihi RM90,000.00	1,275.00	1,275.00	5,050.00
Melebihi RM90,000.00 tetapi tidak melebihi RM92,500.00	1,300.00	1,300.00	5,150.00
Melebihi RM92,500.00 tetapi tidak melebihi RM95,000.00	1,325.00	1,325.00	5,250.00
Melebihi RM95,000.00 tetapi tidak melebihi RM97,500.00	1,350.00	1,350.00	5,350.00
Melebihi RM97,500.00 tetapi tidak melebihi RM100,000.00	1,375.00	1,375.00	5,450.00
Melebihi RM100,000.00 tetapi tidak melebihi RM105,000.00	1,400.00	1,400.00	5,550.00
Melebihi RM105,000.00 tetapi tidak melebihi RM110,000.00	1,425.00	1,425.00	5,650.00
Melebihi RM110,000.00 tetapi tidak melebihi RM115,000.00	1,450.00	1,450.00	5,750.00
Melebihi RM115,000.00 tetapi tidak melebihi RM120,000.00	1,475.00	1,475.00	5,850.00
Melebihi RM120,000.00 tetapi tidak melebihi RM125,000.00	1,500.00	1,500.00	5,950.00

<i>JUMLAH PENGHAKIMAN</i>	<i>(1) DAKWAAN (RM)</i>	<i>(2) BELAAN (RM)</i>	<i>(3) KEPEGUAMAN (RM)</i>
Melebihi RM125,000.00 tetapi tidak melebihi RM130,000.00	1,525.00	1,525.00	6,050.00
Melebihi RM130,000.00 tetapi tidak melebihi RM135,000.00	1,550.00	1,550.00	6,150.00
Melebihi RM135,000.00 tetapi tidak melebihi RM140,000.00	1,575.00	1,575.00	6,250.00
Melebihi RM140,000.00 tetapi tidak melebihi RM145,000.00	1,600.00	1,600.00	6,350.00
Melebihi RM145,000.00 tetapi tidak melebihi RM150,000.00	1,625.00	1,625.00	6,450.00
Melebihi RM150,000.00 tetapi tidak melebihi RM155,000.00	1,650.00	1,650.00	6,550.00
Melebihi RM155,000.00 tetapi tidak melebihi RM160,000.00	1,675.00	1,675.00	6,650.00
Melebihi RM160,000.00 tetapi tidak melebihi RM165,000.00	1,700.00	1,700.00	6,750.00
Melebihi RM165,000.00 tetapi tidak melebihi RM170,000.00	1,725.00	1,725.00	6,850.00
Melebihi RM170,000.00 tetapi tidak melebihi RM175,000.00	1,750.00	1,750.00	6,950.00
Melebihi RM175,000.00 tetapi tidak melebihi RM180,000.00	1,775.00	1,775.00	7,050.00
Melebihi RM180,000.00 tetapi tidak melebihi RM185,000.00	1,800.00	1,800.00	7,150.00
Melebihi RM185,000.00 tetapi tidak melebihi RM190,000.00	1,825.00	1,825.00	7,250.00
Melebihi RM190,000.00 tetapi tidak melebihi RM195,000.00	1,850.00	1,850.00	7,350.00
Melebihi RM195,000.00 tetapi tidak melebihi RM200,000.00	1,875.00	1,875.00	7,450.00
Melebihi RM200,000.00 tetapi tidak melebihi RM205,000.00	1,900.00	1,900.00	7,550.00
Melebihi RM205,000.00 tetapi tidak melebihi RM210,000.00	1,925.00	1,925.00	7,650.00
Melebihi RM210,000.00 tetapi tidak melebihi RM215,000.00	1,950.00	1,950.00	7,750.00
Melebihi RM215,000.00 tetapi tidak melebihi RM220,000.00	1,975.00	1,975.00	7,850.00
Melebihi RM220,000.00 tetapi tidak melebihi RM225,000.00	2,000.00	2,000.00	7,950.00
Melebihi RM225,000.00 tetapi tidak melebihi RM230,000.00	2,025.00	2,025.00	8,050.00

<i>JUMLAH PENGHAKIMAN</i>	<i>(1) DAKWAAN (RM)</i>	<i>(2) BELAAN (RM)</i>	<i>(3) KEPEGUAMAN (RM)</i>
Melebihi RM230,000.00 tetapi tidak melebihi RM235,000.00	2,050.00	2,050.00	8,150.00
Melebihi RM235,000.00 tetapi tidak melebihi RM240,000.00	2,075.00	2,075.00	8,250.00
Melebihi RM240,000.00 tetapi tidak melebihi RM245,000.00	2,100.00	2,100.00	8,350.00
Melebihi RM245,000.00 tetapi tidak melebihi RM250,000.00	2,125.00	2,125.00	8,450.00
Melebihi RM250,000.00 tetapi tidak melebihi RM255,000.00	2,150.00	2,150.00	8,550.00
Melebihi RM255,000.00 tetapi tidak melebihi RM260,000.00	2,175.00	2,175.00	8,650.00
Melebihi RM260,000.00 tetapi tidak melebihi RM265,000.00	2,200.00	2,200.00	8,750.00
Melebihi RM265,000.00 tetapi tidak melebihi RM270,000.00	2,225.00	2,225.00	8,850.00
Melebihi RM270,000.00 tetapi tidak melebihi RM275,000.00	2,250.00	2,250.00	8,950.00
Melebihi RM275,000.00 tetapi tidak melebihi RM280,000.00	2,275.00	2,275.00	9,050.00
Melebihi RM280,000.00 tetapi tidak melebihi RM285,000.00	2,300.00	2,300.00	9,150.00
Melebihi RM285,000.00 tetapi tidak melebihi RM290,000.00	2,325.00	2,325.00	9,250.00
Melebihi RM290,000.00 tetapi tidak melebihi RM295,000.00	2,350.00	2,350.00	9,350.00
Melebihi RM295,000.00 tetapi tidak melebihi RM300,000.00	2,375.00	2,375.00	9,450.00
Melebihi RM300,000.00 tetapi tidak melebihi RM305,000.00	2,400.00	2,400.00	9,550.00
Melebihi RM305,000.00 tetapi tidak melebihi RM310,000.00	2,425.00	2,425.00	9,650.00
Melebihi RM310,000.00 tetapi tidak melebihi RM315,000.00	2,450.00	2,450.00	9,750.00
Melebihi RM315,000.00 tetapi tidak melebihi RM320,000.00	2,475.00	2,475.00	9,850.00
Melebihi RM320,000.00 tetapi tidak melebihi RM325,000.00	2,500.00	2,500.00	9,950.00
Melebihi RM325,000.00 tetapi tidak melebihi RM330,000.00	2,525.00	2,525.00	10,050.00
Melebihi RM330,000.00 tetapi tidak melebihi RM335,000.00	2,550.00	2,550.00	10,150.00

<i>JUMLAH PENGHAKIMAN</i>	<i>(1) DAKWAAN (RM)</i>	<i>(2) BELAAN (RM)</i>	<i>(3) KEPEGUAMAN (RM)</i>
Melebihi RM335,000.00 tetapi tidak melebihi RM340,000.00	2,575.00	2,575.00	10,250.00
Melebihi RM340,000.00 tetapi tidak melebihi RM345,000.00	2,600.00	2,600.00	10,350.00
Melebihi RM345,000.00 tetapi tidak melebihi RM350,000.00	2,625.00	2,625.00	10,450.00
Melebihi RM350,000.00 tetapi tidak melebihi RM355,000.00	2,650.00	2,650.00	10,550.00
Melebihi RM355,000.00 tetapi tidak melebihi RM360,000.00	2,675.00	2,675.00	10,650.00
Melebihi RM360,000.00 tetapi tidak melebihi RM365,000.00	2,700.00	2,700.00	10,750.00
Melebihi RM365,000.00 tetapi tidak melebihi RM370,000.00	2,725.00	2,725.00	10,850.00
Melebihi RM370,000.00 tetapi tidak melebihi RM375,000.00	2,750.00	2,750.00	10,950.00
Melebihi RM375,000.00 tetapi tidak melebihi RM380,000.00	2,775.00	2,775.00	11,050.00
Melebihi RM380,000.00 tetapi tidak melebihi RM385,000.00	2,800.00	2,800.00	11,150.00
Melebihi RM385,000.00 tetapi tidak melebihi RM390,000.00	2,825.00	2,825.00	11,250.00
Melebihi RM390,000.00 tetapi tidak melebihi RM395,000.00	2,850.00	2,850.00	11,350.00
Melebihi RM395,000.00 tetapi tidak melebihi RM400,000.00	2,875.00	2,875.00	11,450.00
Melebihi RM400,000.00 tetapi tidak melebihi RM405,000.00	2,900.00	2,900.00	11,550.00
Melebihi RM405,000.00 tetapi tidak melebihi RM410,000.00	2,925.00	2,925.00	11,650.00
Melebihi RM410,000.00 tetapi tidak melebihi RM415,000.00	2,950.00	2,950.00	11,750.00
Melebihi RM415,000.00 tetapi tidak melebihi RM420,000.00	2,975.00	2,975.00	11,850.00
Melebihi RM420,000.00 tetapi tidak melebihi RM425,000.00	3,000.00	3,000.00	11,950.00
Melebihi RM425,000.00 tetapi tidak melebihi RM430,000.00	3,025.00	3,025.00	12,050.00
Melebihi RM430,000.00 tetapi tidak melebihi RM435,000.00	3,050.00	3,050.00	12,150.00
Melebihi RM435,000.00 tetapi tidak melebihi RM440,000.00	3,075.00	3,075.00	12,250.00

<i>JUMLAH PENGHAKIMAN</i>	<i>(1) DAKWAAN (RM)</i>	<i>(2) BELAAN (RM)</i>	<i>(3) KEPEGUAMAN (RM)</i>
Melebihi RM440,000.00 tetapi tidak melebihi RM445,000.00	3,100.00	3,100.00	12,350.00
Melebihi RM445,000.00 tetapi tidak melebihi RM450,000.00	3,125.00	3,125.00	12,450.00
Melebihi RM450,000.00 tetapi tidak melebihi RM455,000.00	3,150.00	3,150.00	12,550.00
Melebihi RM455,000.00 tetapi tidak melebihi RM460,000.00	3,175.00	3,175.00	12,650.00
Melebihi RM460,000.00 tetapi tidak melebihi RM465,000.00	3,200.00	3,200.00	12,750.00
Melebihi RM465,000.00 tetapi tidak melebihi RM470,000.00	3,225.00	3,225.00	12,850.00
Melebihi RM470,000.00 tetapi tidak melebihi RM475,000.00	3,250.00	3,250.00	12,950.00
Melebihi RM475,000.00 tetapi tidak melebihi RM480,000.00	3,275.00	3,275.00	13,050.00
Melebihi RM480,000.00 tetapi tidak melebihi RM485,000.00	3,300.00	3,300.00	13,150.00
Melebihi RM485,000.00 tetapi tidak melebihi RM490,000.00	3,325.00	3,325.00	13,250.00
Melebihi RM490,000.00 tetapi tidak melebihi RM495,000.00	3,350.00	3,350.00	13,350.00
Melebihi RM495,000.00 tetapi tidak melebihi RM500,000.00	3,375.00	3,375.00	13,450.00
Melebihi RM500,000.00	Menurut budi bicara tetapi tidak melebihi RM40,000		

KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(FI, ELAUN DAN KOS) (NEGERI PULAU PINANG) 2020

JADUAL KEEMPAT

[Subkaedah 8(b)]

Bahagian II

KOS TETAP PENGHAKIMAN BUKAN KEWANGAN

1. Dalam apa-apa prosiding yang tidak melibatkan penghakiman kewangan, Mahkamah boleh memberikan kos tetap tidak melebihi—

(a) RM1,000.00 bagi prosiding Mahkamah Rendah Syariah; dan

(b) RM3,000.00 bagi prosiding Mahkamah Tinggi Syariah.

2. Tertakluk kepada perenggan (1), Mahkamah boleh, dalam satu tindakan yang melibatkan soalan undang-undang atau fakta yang sukar, membenarkan kos sebanyak amaun yang—

(a) tidak melebihi RM3,000.00 bagi prosiding Mahkamah Rendah Syariah; dan

(b) tidak melebihi RM5,000.00 bagi prosiding Mahkamah Tinggi Syariah.

